

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**UJIAN BERTUTUR DAN UJIAN MENDENGAR (BAHASA MELAYU  
DAN BAHASA INGGERIS) SERTA UJIAN AMALI SAINS  
PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2021**

Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) serta Ujian Amali Sains peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021 akan dilaksanakan seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Ujian</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Calon</b>
1.	Ujian Bertutur (Bahasa Melayu)	<b>08, 09, dan 10 Februari 2022</b>	401,927
2.	Ujian Bertutur (Bahasa Inggeris)	<b>22, 23, dan 24 Februari 2022</b>	401,087
3.	Ujian Mendengar (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)	<b>21 Februari 2022</b>	401,927 (BM) 401,087 (BI)
4.	Ujian Amali Sains: Fizik Kimia Biologi	<b>15 Februari 2022</b>	91,962 (Fizik) 93,353 (Kimia) 72,669 (Biologi)
5.	Ujian Amali Sains (Sains Tambahan)	<b>17 Februari 2022</b>	1,049

Sehubungan ini, terdapat sebanyak **3,382** buah pusat peperiksaan bagi Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) serta Ujian Amali Sains peperiksaan SPM 2021 disediakan di seluruh negara. Seramai **50,514** orang petugas peperiksaan telah dilantik bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan pada tahun ini.

LP ingin mengingatkan semua calon agar merujuk jadual waktu peperiksaan untuk mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan serta arahan dan amaran yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan boleh dimuat turun dari portal rasmi LP di <http://lp.moe.gov.my>

Calon diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi **Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam** yang terkandung dalam **Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0** yang dikeluarkan oleh KPM serta prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ketetapan ini adalah bagi memastikan kelancaran pengurusan peperiksaan dan pencegahan penularan wabak COVID-19. Garis Panduan tersebut boleh dimuat turun dari portal rasmi KPM di <https://www.moe.gov.my>

- TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**7 FEBRUARI 2022**